

**PEMAPARAN PERSONALITI POLITIK SABAH
DALAM AKHBAR NEW SABAH TIMES DAN
BORNEO POST: KAJIAN KES BRID. JEN. DATUK
LIEW YUN FAH**

JEANNYORA MAHIN

HA2006-4343

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA SAINS
SOSIAL DENGAN KEPUJIAN (KOMUNIKASI)**

**SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
KOTA KINABALU
2009**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BOJANG PENDESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: PEMAPARAN PERSONALITI POLITIK SABAH DLM ALHABAR
NEW SABAH TIMES DAN BERNEO POST: KADIAN IPS BRIO - JEN DATUK
LIEW YUN RAH.
JAZAH: SERJANA MUDA SAINS SOSIAL

NAMA: JEANNYORA MAHIN (HURUF BESAR) DESI PENGAJIAN: 2009

Mengikut membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

TERHAD

TIDAK TERHAD

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

Disahkan Oleh

Jennyora Mahin
(TANDATANGAN PENELITI)

Lee Kuok Tiung
(TANDATANGAN PUSTAKAWAH)

Alamat Tetap: SK BONGOL
W.D.7 15 89250 TAMPAKU

EN. LEE KUOK TIUNG
Nama Penyelia

Tarikh: 9/6/09

Tarikh: 9/6/2009

CATATAN:- Potong yang tidak berkenaan.

1. Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa organisasi berkenaan dengan menyatakan secara spesifik sebab dan tempoh tesis ini perlu dibekalkan sebagai SULIT dan TERHAD.

2. Tesis dimaklumkan sebagai tesis bagi Ujian Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian sewara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PERPUSTAKAAN UMS



1400017164

DITERIMA

27 JUL 2009




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN PENYELIA

Latihan ilmiah 'Pemaparan personaliti politik di Sabah dalam akhbar News Sabah Times dan The Borneo Post' yang disediakan oleh Jeannyora Mahin bagi memenuhi syarat untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian, Universiti Malaysia Sabah.

Disahkan Oleh:



(EN. LEE KUOK TIUNG)


Penyelia Latihan Ilmiah,
Sekolah Sains Sosial

Tarikh: 9/6/2007



PENGAKUAN PELAJAR

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



(JEANNYORA MAHIN)

HA2006-4343

Tarikh: 9/6/2017



PENGHARGAAN

Terlebih dahulu syukur diucapkan kepada Tuhan kerana melalui limpah karuniaNya saya telah berjaya menyiapkan latihan ilmiah ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada keluarga saya, terutama sekali kepada bapa saya Mahin Anting dan ibu saya Lotimah Tinggi kerana telah banyak memberikan sokongan dan dorongan kepada saya yang tidak terhingga.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada penyelia saya, Encik Lee Kuok Tiung khasnya dan semua pensyarah dalam program Komunikasi, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah yang sentiasa membantu saya sepanjang menyiapkan latihan ilmiah ini. Tunjuk ajar dan sokongan yang telah diberikan banyak membantu dan menjadi nadi penggerak sehingga menyiapkan latihan ilmiah ini.

Tidak dilupakan kepada rakan-rakan saya Hamizah Dikin, Fitrinah Bahrin, Rosinah Dinin dan Petronella Lily Pius, atas bantuan, cadangan dan sokongan yang diberikan sepanjang tempoh kajian ini dijalankan.

Akhir sekali, saya ingin memberikan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dan yang telah memberi bantuan dan kerjasama yang tidak terhingga kepada saya sama ada secara langsung mahupun tidak langsung bagi menjayakan kajian ini. Kerjasama dan bantuan yang diberikan amat dihargai, semoga anda semua diberkati oleh Tuhan yang mahakuasa.

Sekian dan Terima Kasih.



ABSTRAK

PEMAPARAN PERSONALITI POLITIK SABAH DALAM AKHBAR NEW SABAH TIMES DAN THE BORNEO POST:KAJIAN KES BRIG. JEN. DATUK LIEW YUN FAH

Kajian ini bertujuan melihat pemaparan akhbar New Sabah Times dan The Borneo Post mengenai personaliti politik Sabah iaitu Brig. Jeneral Datuk Liew Yun Fah. Seperti yang diketahui, tugas atau peranan akhbar adalah untuk menyampaikan maklumat yang lengkap dan pelbagai kepada masyarakat. Dalam kajian ini, teori pembeda digunakan, iaitu untuk mengkaji bagaimana sesebuah akhbar yang dipilih itu memaparkan berita mengenai Brig. Jeneral Datuk Liew Yun Fah dari segi jenis berita dan cara-cara pemaparan bagi berita beliau. Selain itu, kajian ini juga menggunakan teknik analisis kandungan iaitu salah satu teknik penyelidikan komunikasi lahiriah yang dibuat secara objektif, sistematik dan kuantitatif. Penemuan kajian, berdasarkan kedua-dua akhbar yang dipilih menyiarkan berita mengenai personaliti politik Sabah ini. Berita tersebut ini mengenai Sukan, Belia, Pembangunan dan Masyarakat, Politik dan Penghargaan. Seterusnya, cara pemaparan berita mengenai beliau ini adalah dalam teks, bergambar dan tidak bergambar dan juga berita dalam gambar. Kesimpulannya, pemaparan personaliti politik Sabah ini bersangkut paut dengan karier beliau sebagai Menteri Belia dan Sukan Sabah dan juga merangkap ADUN Merotai, Tawau banyak dipaparkan dalam teks penuh dan juga bergambar.



ABSTRACT

PORTRAYALS OF SABAHAN POLITICAL PERSONALITY IN SABAH IN NEW SABAH TIMES AND THE BORNEO POST: A CASE STUDY OF BRIG.JEN.DATUK LIEW YUN FAH

The purpose of this research is to show the portrayals of Sabahan political personality Brig. Jeneral Datuk Liew Yun Fah in New Sabah Times and the Borneo Post. As we know, the function of paper is to receive a full and variety information's for the society. In this researched Framing Theory were used, to know how the paper that will choose and to see how the papers portrayals the political personality from the kind of news that was published. Besides that, this research used the content analysis technique. The content analysis is communication researches that will be do in objective, systematic and quantitative. This research found, that based of both of papers cover news about Sport, Youth, Development and Society, Politic and Appreciate. Besides that, the manner of news portrayals about the political personality is in full text, visual, non visual, and news in photo. In the conclusion, the news that was portrayals is relevant as a career as a Ministry of Sport and Youth Sabah and also as an ADUN, at Merotai Tawau.



SENARAI JADUAL

- 4.2.1: Jadual jumlah dan jenis berita dalam akhbar News Sabah Times.
- 4.2.3: Jadual jenis berita yang mempunyai gambar dan tiada gambar dalam akhbar News Sabah Times pada 04/05/2007 hingga 17/04/2008.
- 4.2.4: Jadual jenis berita yang mempunyai teks penuh dan berita dalam gambar, dalam akhbar News Sabah Times pada 04/05/2007 hingga 17/04/2008.
- 4.3.1: Jadual jumlah dan jenis berita dalam akhbar The Borneo Post pada 04/05/2007 hingga 17/04/2008.
- 4.3.3: Jadual jenis berita yang mempunyai gambar dan tidak bergambar dalam akhbar The Borneo Post pada 14/05/2007 hingga 17/04/2008.
- 4.3.5: Jadual jenis berita dalam teks penuh dan berita dalam gambar, dalam akhbar The Borneo Post pada 04/05/2007 hingga 17/04/2008.



SENARAI GRAF

- 4.2.2 Graf Bar: Jumlah dan Jenis Berita dalam akhbar New Sabah Times pada 04/05/2007 hingga 17/04/2008.
- 4.2.4 Graf Bar: Jenis berita yang mempunyai gambar dan tiada gambar dalam akhbar New Sabah Times pada 04/05/2007 hingga 17/04/2008.
- 4.2.5 Graf Bar: Jenis Berita dalam Teks Penuh dan Berita Dalam Gambar dalam Akhbar New Sabah Times pada 04/05/2007 hingga 17/04/2008.
- 4.3.2 Graf Bar: Jumlah dan jenis berita dalam akhbar The Borneo Post pada 04/05/2007 hingga 17/04/2008.
- 4.3.4 Graf Bar: Jenis berita yang mempunyai gambar dan tidak bergambar dalam akhbar The Borneo Post pada 04/05/2007 hingga 17/04/2008.
- 4.3.5 Graf Bar: Jenis berita dalam teks penuh dan berita dalam gambar, dalam akhbar The Borneo Post pada 04/05/2007 hingga 17/04/2008.



SENARAI SINGKATAN

ADUN (Ahli Dewan Undangan Negeri)

BN (Barisan Nasional)

JPN (Jabatan Pendaftaran Negara)

LDP (Liberal Democratic Party)

PBB (Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu)

PKK (Politeknik Kota Kinabalu)

RDC (Rainforest Discovery Centre)

SAGA (Sabah Games)

SUKMA (Sukan Malaysia)

TOYPSC (Young Person of Sabah)

UMNO (United Malayan Union Organisation)

US (United State of America)

YUM (Yayasan Usaha Maju)



ISI KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
Pengesahan Penyelia	i
Pengakuan Pelajar	ii
Penghargaan	iii
Abstrak	iv
Abstract	vi
Senarai Jadual	v
Senarai Graf	vii
Senarai Singkatan	viii
BAB1 PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1-4
1.1 Fungsi Akhbar	4-6
1.2 Pernyataan Masalah	6
1.3 Objektif Kajian	6
1.4 Skop Kajian	7
1.5 Pembingkaian	7
1.6 Latar belakang Suratkhbar yang dikaji	7-8
BAB 2 SOROTAN LITERATUR	
2.0 Pengenalan	9-14
2.1 Definisi Teori	14-15
2.2 Model Pembingkaian	16-21
2.3 Teknik Pembingkaian	22-26
2.4 Kajian-kajian Lepas	26-29
BAB 3 METODOLOGI	
3.1 Pendahuluan	30
3.2 Analisis Kandungan	30-32



3.3 Penemuan Kategori dan Skala Pengukuran	32
3.4 Persampelan	32-33
3.5 Pengumpulan Data	33
3.6 Kategori Kajian	33
3.7 Analisis Data	33

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	34
4.2 Analisis data bagi akhbar New Sabah Times pada 04/05/2007 hingga 17/04/2008	35-48
4.3 Analisis data bagi akhbar The Borneo Post pada 04/05/2007 hingga 17/04/2008	49-61

BAB 5 KESIMPULAN DAN PERBINCANGAN

5.1 Pengenalan	62
5.2 Perbincangan	62-67
5.3 Limitasi Kajian	67-68
5.4 Cadangan kajian akan datang	68
5.5 Kesimpulan	69-70

RUJUKAN

LAMPIRAN



BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Akhbar merupakan media yang mempengaruhi kehidupan manusia sekarang dan mencerminkan pemikiran sesebuah masyarakat (Berkonitz, 1997). Bagi McLuhan (1965), akhbar adalah suatu sumbangan kepada manusia. Kewujudan akhbar menyebabkan peristiwa yang berlaku di dalam dan luar negara dapat disampaikan dengan cepat dan mudah (Mohd. Safar Hashim, 2004).

Oxford Advanced and Learned Dictionary, (1991) akhbar ialah percetakan sesuatu penerbitan yang mengandungi isu dan berita setiap hari. Derito (1994), berpendapat akhbar ialah media yang menarik mereka yang matang dan merupakan penyiar berita yang paling jelas dan teliti berbanding media.

Merill, Lea dan Friedlander (1994), menganggap akhbar ialah media cetak yang merangkumi berita yang terkumpul daripada saluran tertentu. Tujuan utama ialah mencari kepentingan dalam corak penjualan atau pengawalan maklumat. Itule dan Andaerson Leo (2000), berpendapat bahawa walaupun akhbar merupakan berita yang dicetak dalam kertas, pengaruh dan tarifan boleh bersaing dengan media lain yang lebih menarik. Walaupun akhbar tidak



mempunyai gambar bergerak atau berbunyi, ketelitian isi kandungan dengan kos yang lebih rendah merupakan kebaikan yang tidak setanding oleh media lain.

Menurut Laswell (1960), akhbar memang sesuatu yang penting kerana ia menyampaikan pelbagai maklumat yang berguna. Kepentingan maklumat dalam akhbar dengan peningkatan kesedaran untuk mencegah gejala sosial berlaku di persekitaran. Media massa bukan sahaja berfungsi memberitahu audiens apa yang berlaku dalam masyarakat tetapi juga memainkan peranan penting dalam mendidik masyarakat.

Manakala, menurut Tan Sri A. Samad Ismail, seorang tokoh wartawan menyifatkan akhbar sebagai sumber pengetahuan. Akhbar dikatakan dapat memenuhi tanggungjawab sebagai pembekal maklumat dengan memberikan pendedahan yang luas, liputan yang besar kepada idea-idea yang berbeza serta sebagai penyalur pendapat maklumat.

Menurut Mohd. Safar Hashim (2004), akhbar berperanan penting dalam usaha menggerakkan rakyat berhubung sesuatu isu dan juga melaporkan berita dan maklumat kepada masyarakat.

Menurut Zaini Ujang (1993), akhbar sangat besar pengaruhnya terhadap pembaca di seluruh dunia. Berdasarkan kajian, tahap dan tabiat membaca di kalangan rakyat Malaysia, satu pertiga daripada wang dibelanjakan untuk membeli bahan-bahan bacaan diperuntukkan kepada akhbar. Malah, akhbar bukan sahaja menyiarkan banyak maklumat dan panduan, bahkan menyelitkan idealisme dan perjuangan.



Era pemerintahan British telah memperkenalkan akhbar kepada Malaysia. Akhbar pertama diterbitkan di Tanah Melayu ialah *The Prince Of Wales Island Gazette* pada tahun 1806 di Pulau Pinang (Mohd. Safar Hashim, 1996). Sekitar tahun 1876 muncul akhbar Bahasa Melayu tulisan jawi dan kemudian pada tahun 1880 akhbar bahasa Cina diterbitkan. Seterusnya, akhbar bahasa Tamil pula muncul kira-kira tahun 1875.

Sistem percetakan di Malaysia telah berkembang pesat, maka wujud akhbar-akhbar seperti News Straits Times (1948), Utusan Melayu (1936), Berita Harian (1957), Utusan Malaysia (1969), The Star (1971) dan beberapa akhbar lain.

Akhbar di Sabah bercorak tempatan juga diterbitkan antaranya News Straits Times (1953), Daily Express (1963) dan Borneo Post (1978). Terdapat juga akhbar yang dimiliki oleh parti politik seperti akhbar Harakah terbitan Parti Selslam Malaysia (PAS).

Pemilikan akhbar di Malaysia kebanyakannya dimiliki oleh individu ataupun syarikat-syarikat komersial. Namun begitu individu atau syarikat mempunyai hubungan politik dengan pemerintahnya dan kumpulan dalam sesebuah parti politik. Walaupun begitu, akhbar tetap mengutamakan isu-isu kerajaan, rakyat, alam sekitar dan sebagainya mengikut etika yang telah ditetapkan (Mohd. Safar Hashim, 1996).



Akhbar-akhbar ini adalah amat penting kerana, akhbar sebagai agen pemberi maklumat yang terawal kepada masyarakat sejagat. Malah menjadi penjana utama dalam menggerakkan perkembangan media cetak mahupun elektronik di seluruh dunia. Walaupun usia akhbar jauh lebih matang berbanding dengan televisyen, radio, majalah dan internet tetapi ia mampu bersaing dengan mana-mana komponen media yang lain. Sehingga kini, peranan akhbar sebagai penyalur maklumat juga relevan terutamanya dalam membekalkan maklumat yang begitu jitu dari dalam dan luar negara kepada masyarakat.

1.1 Fungsi Akhbar

Menurut A.F Yassin (1986) akhbar mempunyai erti sempit dan erti luas. Dalam erti sempit, akhbar merupakan satu alat yang mengandungi penyiaran fikiran, gagasan ataupun berita dalam bentuk tulisan. Manakala dalam erti luas akhbar adalah media massa yang memancarkan fikiran dan perasaan seseorang baik dalam semua bentuk sama ada dalam bentuk tulisan atau bentuk lisan.

A. F. Yassin (1986) juga merumuskan akhbar adalah salah satu media komunikasi massa yang berfungsi memberikan maklumat kepada masyarakat dengan memuatkan idea-idea abstrak melalui tulisan yang dicetak. Hal ini dikatakan demikian kerana akhbar adalah saluran maklumat berita dan hal-hal masyarakat dimuatkan di dalamnya. "Pemberitaan akhbar adalah berkaitan dengan ekonomi, politik, kebudayaan, pentadbiran, sosial, keamanan dan sebagainya (A. F. Yassin, 1986).



Menurut Sabda S. (2001), terdapat pelbagai jenis teori akhbar yang diamalkan oleh kebanyakan polisi dalam industri akhbar, namun yang paling terkenal dan ideal untuk diamalkan di Malaysia adalah:

1. Mengkaji serta mendidik masyarakat melakukan sifat-sifat semulajadinya.
2. Menggambarkan sifat-sifat masyarakat dalam negara.
3. Menjaga hubungan baik antara masyarakat dalam negara.
4. Menyebarkan pengetahuan dan mempertahankan kebenaran.

Mohd. Safar Hasim (1996), juga menentukan empat fungsi akhbar iaitu memberitahu, mendidik, menghibur dan memujuk. Akhbar adalah salah satu saluran media bagi khalayak untuk mendapat sumber maklumat terhadap sesuatu kejadian yang berlaku.

Mansor Ahmad Saman & Ahmad Sebi (1996) memetik ucapan Allahyarham Tun Abdul Rahman bin Hussien, dalam ucapan beliau di seminar untuk para penebit dan pengarang akhbar di Kuala Lumpur pada tahun 1974, beliau berkata "Akhbar dan media lain menjadi penghubung penting antara kerajaan dan rakyat. Tugas dan tanggungjawab adalah lebih penting dan rumit dalam sebuah masyarakat majmuk seperti Malaysia. Semua yang terlibat dalam tugas ini haruslah memastikan bahawa sebarang bahan yang diterbitkan tidak akan menimbulkan salah faham dan mudarat kepada sesuatu kumpulan dengan cara ini akhbar dan media negara ini boleh membantu kerajaan memupuk semangat perpaduan dan mengukuhkan perpaduan di kalangan rakyat.

Seterusnya, Juan Luis Cebrian (1997), editor akhbar Madrid El.Pais menyatakan bahawa peranan akhbar adalah untuk mencabar kuasa. Akhbar



merupakan kuasa dan fungsi asas di samping memberitahu dan mengkritik orang lain (L.J.Martin & Chaudhary,1997). Kenyataan Luis ini disokong oleh George yang mana dalam proses menyampaikan fakta, pendapat dan hujah, tidak ada yang mampu menandingi keunggulan akhbar kerana akhbar dianggap mempunyai mekanisme yang menjadikannya paling berkuasa dalam kehidupan masyarakat (George Fox Mott, 1986).

1.2 Penyataan Masalah

Sekarang ini terdapat pelbagai jenis akhbar, setiap akhbar tersebut mempunyai cara yang berbeza-beza untuk memaparkan sesuatu artikel mahupun gambar dalam sesuatu paparan akhbar agar dapat menarik perhatian pembaca.

Realiti yang diperolehi masyarakat daripada media sebenarnya memaparkan realiti yang dicipta oleh media dan tidak menggambarkan dunia sebenar. Baik buruk seseorang personaliti politik di kaca mata masyarakat yang diperolehi dari media sebenarnya merupakan acuan yang dihasilkan oleh proses pemberitaan Brig. Jeneral Datuk Liew Yun Fah.

1.3 Objektif Kajian

- i. Mengetahui topik yang dibincangkan tentang personaliti politik dalam akhbar.
- ii. Mengetahui perbezaan penyiaran berita bagi kedua-dua akhbar tersebut. Apakah akhbar yang kerap menyiarkan berita mengenai personaliti politik di Sabah.



1.4 Skop Kajian

Kajian dilakukan ke atas laporan berita yang berkaitan dengan Datuk Liew Yun Fah sejak 4hb Mei 2007 selaku pelantikan sebagai Menteri Belia dan Sukan Sabah sehingga 17hb April 2008 ketika beliau keluar dari parti Barisan Nasional. Akhbar yang dikaji ialah New Sabah Times dan The Borneo Post. Akhbar ini dipilih kerana merupakan akhbar tempatan di Sabah. Aspek yang ingin dilihat dalam kajian ini ialah jenis berita dan cara paparan berita Brig. Jeneral Datuk Liew Yun Fah dalam kedua-dua akhbar tersebut.

1.5 Pembingkaian

Kajian ini dikaji dengan menggunakan Teori Pembingkaian iaitu melihat bagaimana sesuatu akhbar itu, memaparkan personaliti politik di dalam akhbar. Dalam kajian personaliti politik Brig. Jeneral Datuk Liew Yun Fah, cara pemberitaan mengenai diri beliau akan dikaji.

1.6 Latar belakang Suratkhbar yang dikaji

The New Sabah Times

Akhbar yang pertama yang ingin dikaji ialah akhbar New Sabah Times. Akhbar ini merupakan akhbar yang dimiliki oleh kerajaan dan lebih bersifat pro-kerajaan. The New Sabah Times ialah akhbar yang terdapat di Sabah. Akhbar ini menggunakan tiga bahasa dalam penulisan beritanya iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa KadazanDusun.



Awal kewujudannya, akhbar ini dikenali Sabah Times yang diasaskan oleh Donald Stephen pada tahun 1949. Beliau kemudiannya menjadi Menteri Sabah yang pertama dan berjaya mendapatkan kebebasan dari United Kingdom. Pada tahun 1954, Sabah Times digabungkan dengan North Borneo News dan menjadi The North Borneo News & Sabah Times. Kemudiannya berubah nama pada tahun 1964 iaitu Kinabalu Sabah Times. Pada 8 Mac 1998, pengkoprotan semula dan ditukar kepada nama The News Sabah Times oleh Inna Kinabalu Sdn. Bhd.

The Borneo Post

Akhbar kedua yang dikaji ialah akhbar The Borneo Post. Akhbar ini lebih bersifat sederhana kerana ia dimiliki oleh syarikat swasta. Akhbar ini menggunakan keseluruhan Bahasa Inggeris dalam penulisan beritanya.

The Borneo Post ditubuhkan pada tahun 1978. Ia merupakan akhbar bahasa Inggeris yang terbesar di Borneo. Ianya meliputi Kesultanan Brunei hingga ke Malaysia iaitu negeri Sabah dan Sarawak. Akhbar ini beribu pejabat di Kuching dan mempunyai kakitangan sejumlah seratus orang setelah akhbar Sarawak Tribune ditarik balik lesen percetakannya pada tahun 2006.



BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Pada dasarnya, analisis pbingkaian merupakan versi terbaru dari pendekatan analisis wacana, khususnya untuk menganalisis teks media. Pada mulanya, pbingkaian ialah sebagai satu struktur konseptual atau peringkat kepercayaan yang mengorganisasi pandangan politik, kebijakan dan wacana, serta yang menyediakan kategori-kategori yang sesuai untuk mengapresiasi realiti. Konsep ini, kemudiannya dikembangkan lebih jauh oleh Goffman pada tahun 1974, yang mengandaikan pbingkaian sebagai kepingan-kepingan perilaku (*strips of behavior*) yang membimbing individu membaca realiti.

Kini, teori pbingkaian telah digunakan secara luas dalam literatur ilmu komunikasi untuk menggambarkan proses pemilihan dan penyorotan aspek-aspek sebuah realiti oleh media. Dalam kajian bidang komunikasi, teori pbingkaian mewakili tradisi yang mengutamakan pendekatan atau perspektif kepelbagaian disiplin untuk menganalisis fenomena atau aktiviti komunikasi. Konsep tentang pbingkaian sendiri bukan berasal dari konsep ilmu komunikasi, tetapi dipinjam dari ilmu kognitif (psikologi).



Dalam perspektif komunikasi, teori pembingkaiian digunakan untuk mengetahui cara-cara atau ideologi media ketika mengkonstruksikan fakta. Teori ini meliputi strategi pemilihan, penonjolan, dan pertautan fakta ke dalam berita agar lebih bermakna, lebih menarik, lebih bererti atau lebih diingat, untuk membuat penafsiran khalayak sesuai dengan perspektifnya.

Selain itu, pembingkaiian adalah pendekatan untuk mengetahui bagaimana perspektif atau cara pandang yang digunakan oleh wartawan ketika memilih isu dan menulis berita. Cara pandang atau perspektif itu akhirnya menentukan fakta apa yang diambil, bahagian mana yang ditonjolkan dan dihilangkan, serta hendak dibawa ke mana berita tersebut (Nugroho, Eriyanto, Surdiasi 1999). Hal ini kerana, berita menjadi manipulatif dan bertujuan mendominasi keadaan subjek sebagai sesuatu yang sah, objektif, alamiah, wajar, atau tidak dapat dielakkan (Imawan, 2000).

Gamson dan Modigliani (1987), menyebut cara pandang itu sebagai satu kemasan (pakej) yang mengandungi konstruksi makna atas peristiwa yang akan diberitakan. Menurut mereka, pembingkaiian adalah cara bercerita atau gugusan idea-idea yang diorganisasi dan memberi konstruksi makna peristiwa-peristiwa yang berkaitan dengan objek suatu wacana.

Menurut Erving Goffman (1974), secara sosiologi konsep analisis pembingkaiian memelihara kelangsungan kebiasaan untuk kita mengklasifikasi, mengorganisasi, dan mentafsir secara aktif pengalaman-



pengalaman hidup kita untuk dapat memahaminya. Skemata penafsiran itu disebut pemingkaian, yang memungkinkan individu dapat melokalisasi, merasakan, mengidentifikasi, dan memberi label terhadap peristiwa-peristiwa serta maklumat.

Berdasarkan konsep Psikologi, pemingkaian dilihat sebagai penempatan maklumat dalam konteks yang unik, sehingga elemen-elemen tertentu suatu isu memperoleh alokasi. Sumber kognitif individu lebih besar. Akibatnya, elemen-elemen yang dipilih menjadi penting dalam mempengaruhi penilaian individu dalam membuat kesimpulan.

Entman (1993) melihat pemingkaian dalam dua dimensi yang besar iaitu pemilihan isu dan penekanan atau penonjolan aspek-aspek realiti. Kedua-dua faktor ini dapat lebih mempertajamkan pemingkaian berita melalui proses pemilihan isu yang layak ditampilkan dan penekanan isi beritanya. Perspektif wartawanlah yang akan menentukan fakta yang dipilihnya, ditonjolkannya dan dibuangnya.

Penonjolan, seperti di muka depan, merupakan proses membuat maklumat menjadi lebih bermakna. Realiti yang disajikan secara menonjol sudah tentu mendapat peluang yang besar untuk diperhatikan dan mempengaruhi khalayak. Dengan itu, pemingkaian dijalankan oleh media dengan memilih isu tertentu dan mengabaikan isu lain, serta menonjolkan aspek isu tersebut dengan menggunakan pelbagai strategi wacana (menempatkan di *headline*, halaman depan atau bahagian belakang), pengulangan, penggunaan grafik untuk membuktikan dan menguatkan lagi



penonjolan, pemakaian label tertentu ketika menggambarkan orang atau peristiwa yang diberitakan.

Teori pembingkaiian digunakan dalam bidang kajian komunikasi, sains politik, sosiologi, psikologi dan linguistik sejak dahulu lagi. Sarjana Sosiologi Erving Goffman (1974), telah memperkenalkan pendekatan pembingkaiian, ia dirumuskan sebagai metafora pembingkaiian yang digunakan untuk melihat kandungan media. Goffman mentakrifkan pembingkaiian sebagai 'interpretasi sesuatu lakaran yang mengandungi konteks untuk memahami maklumat dan membenarkan individu atau kumpulan untuk 'menempatkan, melihat, mengenalpasti dan melabel'. Dia menjelaskan bagaimana pengetahuan umum kita memainkan peranan dalam kehidupan seharian dan dibentuk melalui beberapa pengalaman dan pengetahuan, bagaimana lakaran tentang sesuatu rancangan diinterpretasikan dan digunakan dalam proses informasi baru.

Pembingkaiian ialah pendekatan Sosiologi yang telah diaplikasikan untuk penafsiran dan memproses retorik dalam perbincangan berita media. Menurut Gamson dan Modigliani (1989) pembingkaiian sebagai pusat pembinaan idea atau cerita utama yang mengandungi makna untuk melaporkan tentang sesuatu isu.

Pembingkaiian juga digunakan dalam memahami peranan perjalanan politik dalam media. Reese (2001) menegaskan bahawa 'pembingkaiian merujuk kepada sesuatu peristiwa atau isu yang dibentuk dan boleh diterima, terutamanya oleh media, pengamal media dan

